CARTA ALIR PERMOHONAN PASPORT MALAYSIA ANTARABANGSA



Tempoh masa yang dipamerkan adalah tertakluk kepada jumlah pelanggan pada sesuatu masa

MAKLUMAT AM

1. Penggunaan perkataan anak lelaki (A/L) dan anak perempuan (A/P) bagi kaum India dan bukan Islam di muka surat utama Pasport Malaysia telah dimansuhkan tetapi dinyatakan pada muka surat 'PEMERHATIAN/*OBSERVATION*'
2. Jika pemohon di bawah usia 18 tahun, MyKad ibu atau bapa diperlukan
3. Pasport Malaysia yang tidak dituntut selepas tiga (3) bulan dari tarikh kutipan yang dinyatakan pada resit bayaran akan dibatalkan dan dilupuskan. Pemohon yang pasport telah dibatalkan jika memerlukan paspot hendaklah mengemukakan permohonan baru mengikut proses biasa beserta bayaran
4. Tiada lagi kemudahan memasukkan butir-butir kanak- kanak dalam pasport ibu atau bapa. Kanak-kanak (termasuk bayi yang baru dilahirkan) perlu memohon secara berasingan dan ibu bapa boleh memohon untuk menukar gambar setelah bayi meningkat usia 3 tahun ke atas disertai dengan 2 keping gambar bersaiz 35mm x 50mm berlatar belakang putih tanpa bayang, sijil lahir dan hadir bersama-sama anak berkenaan di Pejabat Imigresen
5. Berdasarkan Akta Penjagaan Kanak-Kanak (Guardianship Act 1961 – Pindaan 1999, ibu kini boleh seperti bapa membuat pengesahan bagi permohonan anak bawah 18 tahun
6. Pasport yang dilaporkan hilang dan dijumpai semula tidak boleh digunakan dan maklumat akan disalurkan kepada pihak INTERPOL

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN PASPORT
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)
NO. 17, TINGKAT 3, BANGUNAN MENARA IKHLAS,
PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA.

TELEFON: 03 – 8892 6000
FAKS: 03 – 8892 6090
E-MEL: webmaster@imi.gov.my
PORTAL RASMI: www.imi.gov.my

PERMOHONAN PASPORT MALAYSIA ANTARABANGSA

myPORTFOLIO
"Birokrasi Dipermudahkan"
"Bureaucracy Redefined"

PENGENALAN

Pasport Malaysia adalah suatu Dokumen Perjalanan yang sah yang dikeluarkan kepada warganegara Malaysia bagi maksud perjalanan keluar negara

KELAYAKAN

Warganegara Malaysia

TEMPAT MEMOHON

i. Semua Pejabat Imigresen di Malaysia
ii. Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara

TEMPOH SAH LAKU

5 tahun dari tarikh dikeluarkan

BAYARAN

a	Permohonan biasa (13 tahun hingga 59 tahun)	RM200.00
b	Warga emas (60 tahun ke atas)	RM100.00
c	Kanak-kanak (12 tahun dan ke bawah)	RM100.00
d	Pelajar mengikuti program ijazah di luar negara (21 tahun dan ke bawah)	RM100.00
e	Jemaah Haji (surat pengesahan dari Tabung Haji atau agensi yang dilantik)	RM100.00
f	Orang Kelainan Upaya (OKU)	Gratis

NOTA

1. Bagi pelajar berumur 21 tahun dan ke bawah yang menerima tawaran melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di luar negara perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti berikut:
   (i) Surat tawaran IPT atau Agensi Pengambilan Pelajar atau surat tawaran biasiswa/ tajaan;
   (ii) Resit bayaran yuran pendaftaran; dan
   (iii) Kad Matrik Pelajar (jika sedang belajar)

2. Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu mengemukakan Kad Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai bukti

BENTUK BAYARAN

i. Tunai
ii. Kad Kredit
iii. Wang Pos atau Bank Draf yang dipalang atas nama:
   - Dalam Malaysia: Ketua Pengarah Imigresen Malaysia/ Pengarah Imigresen Negeri
   - Luar Malaysia: Suruhanjaya Tinggi Malaysia/ Penolong Suruhanjaya Tinggi Malaysia/ Kedutaan Besar Malaysia/ Konsulat Jenderal Malaysia (di mana berkaitan)

PROSEDUR PERMOHONAN

1. Hadir sendiri di Pejabat Imigresen atau Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara
2. Permohonan di kaunter bagi Pejabat Imigresen di Malaysia atau di Pejabat Atase di Sigapura, New York, London, Hong Kong, Melbourne dan Jakarta tidak perlu membawa gambar kecuali permohonan yang dikemukakan melalui Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara
3. Kanak-kanak di bawah umur 4 tahun digalakkan membawa bersama mengikut spesifikasi yang ditetapkan

PERMOHONAN 18 TAHUN DAN KE ATAS

Jenis Pemohonan	Syarat-Syarat
Lahir di Malaysia	1. MyKad pemohon 2. Sekiranya tidak memiliki MyKad, Kad Pengenalan Sementara (JPN.KPPK 09 danpemohon diperlukan.
Lahir luar negara	1. MyKad pemohon 2. Borang W / Sijil Lahir / Sijil Perakuan Taraf / Pengesahan Taraf Warganegara (PTW) 3. Dokumen Perjalanan/pasport yang digunakan semasa balik ke Malaysia.
Pemohon warganegara Malaysia Sabah dan Sarawak yang mohon kali pertama di Pejabat Imigresen Semenanjung Malaysia.	1. MyKad pemohon dan Sijil Lahir. 2. Pemegang MyKad mesti bertanda 'H' bagi Sabah dan 'K' bagi Sarawak. Manakala MyKad tanpa tanda tersebut perlulah diselaraskan terlebih dahulu di Jabatan Pendaftaran Negara(JPN). (Tertakluk pada syarat-syarat JPN). 3. Sekiranya tidak memiliki MyKad, Kad Pengenalan Sementara (JPN.KPPK 09 dan 11) dan Sijil Lahir pemohon diperlukan. Catatan : Permohonan akan dirujuk ke Pejabat Imigresen Sabah dan Sarawak dan kelulusan akan dimaklumkan selepas 5 hari bekerja.
Pegawai dan Anggota Tentera	Kad Pengenalan tentera / My tentera
Pegawai dan Anggota Polis	1. Kad Pengenalan tentera ; dan 2. Sijil Lahir

PERMOHONAN BAWAH 18 TAHUN

Jenis Pemohonan	Syarat-Syarat
Lahir di Malaysia	1. MyKad / MyKid pemohon 2. Sijil lahir pemohon 3. MyKad bapa/ibu (ibu atau bapa perlu hadir sama)
Lahir luar negara	1. MyKad / MyKid pemohon 2. Borang W / Sijil Lahir / Sijil Perakuan Taraf / Pengesahan Taraf Warganegara (PTW) 3. Dokumen Perjalanan/pasport yang digunakan semasa balik ke Malaysia 4. MyKad bapa/ibu (ibu atau bapa perlu hadir sama)
Pemohon warganegara Malaysia Sabah dan Sarawak yang mohon kali pertama di Pejabat Imigresen Semenanjung Malaysia.	1. MyKad /Mykid pemohon dan Sijil Lahir 2. Borang W / Sijil Lahir / Sijil Perakuan Taraf / Pengesahan Taraf Warganegara (PTW) 3. MyKad bapa/ibu (ibu atau bapa perlu hadir sama) 4. Pemegang MyKad mesti bertanda 'H' bagi Sabah dan 'K' bagi Sarawak 5. Sekiranya tidak memiliki MyKad, Kad Pengenalan Sementara (JPN.KPPK 09 dan 11) dan Sijil Lahir Catatan 1: Mykad/Mykid tanpa tanda ‹H› /'K' perlu diselaraskan terlebih dahulu di Jabatan Pendaftaran Negara(JPN) Catatan 2 :.Permohonan akan dirujuk ke Pejabat Imigresen Sabah dan Sarawak. Kelulusan akan dimaklumkan selepas 5 hari bekerja
Jika ibu dan bapa telah meninggal dunia	1. MyKad /MyKid pemohon 2. Sijil lahir pemohon 3. Sijil kematian ibu/bapa 4. Surat sumpah hak penjagaan anak oleh penjaga yang sah 5. Kad Pengenalan penjaga yang sah / Pasport Penjaga yang sah (jika bukan warganegara) 6. Sijil lahir penjaga yang sah (jika perlu)
Jika ibu dan bapa bercerai	1. MyKad /MyKid pemohon 2. Sijil lahir pemohon 3. Surat mahkamah memberi hak penjagaan anak 4. MyKad ibu/bapa yang diberi hak penjagaan yang sah/ Pasport penjaga yang sah (jika bukan warganegara)
Jika pemohon adalah anak angkat	1. MyKad /MyKid pemohon 2. Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) 3. MyKad ibu/bapa angkat / pasport yang sah (bukan warganegara)
Jika pemohon telah berkahwin	1. MyKad pemohon 2. Sijil Nikah atau Surat Cerai (jika telah bercerai)